

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang perancangan pembinaan perumahan PPR dan mampu milik di Lembah Klang bagi menampung permintaan penduduk B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat mengenai perancangan pembangunan PPR dan rumah mampu milik di sekitar Lembah Klang untuk golongan B40.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat **27 projek PPR** yang telah siap dibina di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** dan ianya merangkumi **34,862 unit** rumah.

Bagi kawasan **Lembah Klang** yang merangkumi kawasan di negeri **Selangor** pula, terdapat **empat (4) projek PPR** yang telah **siap dibina** melibatkan **5,184 unit rumah**. Selain itu, terdapat **dua (2) projek** yang sedang **dalam pembinaan** melibatkan **904 unit** rumah yang dijangka akan siap pada tahun **2023**.

Sehubungan itu, merujuk kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai perancangan pembinaan PPR di Lembah Klang, pihak KPKT sedia mempertimbangkan sebarang cadangan yang diterima daripada **Kementerian Wilayah Persekutuan** dan juga **Kerajaan Negeri Selangor**. Cadangan tersebut akan diteliti oleh KPKT tertakluk kepada **kesesuaian tapak, keperluan setempat dan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan**. Buat masa ini, terdapat perancangan untuk menambah bilangan projek PPR di Lembah Klang di bawah RMKe-12.

Bagi program **Rumah Mesra Rakyat (RMR)** untuk golongan B40 di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) pula, terdapat **2,254 unit** rumah telah siap dibina, **395 unit** rumah dalam pembinaan dan **80 unit** rumah dalam perancangan di Lembah Klang. Kementerian melalui SPNB juga mempunyai perancangan untuk menambah bilangan rumah RMR di Lembah Klang di bawah RMKe-12.

Sekian, terima kasih.